



LOW (kiri) bersama Dr Lai menunjukkan alat khas scoliosis2 dan piala yang dimenangi, semalam.

## Alat ukur ketinggian bahu terbaik

**Kuantan:** Alat mengukur ketinggian bahu bagi mengesan kecacatan tulang belakang (scoliosis) dibangunkan penyelidik Universiti Malaysia (UM) memperoleh Anugerah Terbaik pada Pameran Kemajuan Inovasi dan Kejuruteraan 2017 (AI-NEX 2017) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang, di sini, semalam.

Projek dikenali Scolios2 itu hasil rekaan penuntut tahun akhir Fakulti Kejuruteraan UM Daniel Low June Weng dibantu pensyarahnya Dr Lai Khin Wee.

Kemenangan itu menyak-

sikan mereka membawa pulang wang tunai RM800, piala serta sijil penyertaan.

Sementara itu, penyelidik dari Kolej Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (PSDC) memenangi tempat pertama bagi kategori kolej dan politeknik manakala kategori sekolah dimenangi Sekolah Menengah Sains Hulu Selangor.

Bagi kategori kolej dan politeknik, pemenang menerima wang tunai RM600, piala dan sijil penyertaan manakala bagi kategori sekolah, pemenang menerima wang tunai RM400, piala dan sijil penyertaan.